

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pernyataan masalah**

Disertasi ini mengkaji tentang bahasa kreol yang dikenali sebagai Kristang atau Kreol Portugis Melaka yang dipertuturkan oleh masyarakat Nasrani Melaka.

Penyelidik ingin mengkaji dan meneliti beberapa elemen linguistik dalam struktur nahu Kristang sebagaimana yang dipertuturkan oleh penutur natif. Maklumat tentang latar belakang serta konteks sosio-sejarah komuniti Nasrani juga dikenalpasti. Kristang merupakan salah satu daripada variasi unik kreol Portugis yang masih berfungsi sebagai bahasa ibunda di kalangan komuniti Nasrani.

Namun demikian penggunaan bahasa ini semakin berkurangan sejak kebelakangan ini. Kemungkinan besar ia boleh mengalami bahaya pemupusan kelak jika langkah-langkah pemeliharaan kreol tempatan ini tidak diberi perhatian serius memandangkan bilangan penutur natif bahasa ini semakin mengecil.

Masyarakat Nasrani merupakan satu komuniti kecil Peranakan Melaka daripada keturunan Portugis. Masyarakat ini memperlihatkan ciri-ciri budaya (termasuk bahasa, pakaian, makanan dan persepsi dunia) yang unik hasil daripada asimilasi dan pergebudayaan sejak daripada zaman kolonial barat lagi. Kebudayaan dan tradisi masyarakat ini lebih mirip kepada kebudayaan Melayu Melaka, walaupun agama mereka tetap agama Kristian (Roman Katholik). Masyarakat ini boleh disamakan dengan ciri-ciri masyarakat Peranakan Melaka yang lain iaitu Baba

Melaka dari keturunan Cina dan Chitty Melaka dari keturunan India. Persamaan ciri-ciri ini dapat dilihat dengan variasi-variasi kreol yang lain iaitu Baba-Melayu, dan Bazaar Melayu.

Penyelidik memilih pendekatan linguistik deskriptif dalam menganalisa data. Pendekatan ini dianggap relevan kerana bentuk, fungsi dan struktur nahu bahasa ini amat dipengaruhi oleh faktor sejarah dan persekitaran. Seperti bahasa kreol lain, Kristang juga mempunyai pelbagai variasi bahasa yang berkaitan dengan faktor sosiolinguistik seperti umur, jantina dan pendidikan serta penggunaan bahasa Inggeris, Melayu, dan Cina yang menjadi petunjuk kepada tahap-tahap gaya dan perubahan bahasa ini. Dalam kajian ini sedikit tumpuan juga diberi kepada aspek variasi bahasa seperti leksikal, sintaksis dan beberapa elemen linguistik yang lain.

## 1.2 Kepentingan Kajian

Variasi bahasa Kristang yang dipertuturkan oleh komuniti Nasrani di Melaka, semakin pupus disebabkan oleh proses pemodenan khususnya pendidikan formal dan perkahwinan kacukan. Oleh kerana bahasa ini kurang mempunyai kepentingan ekonomi dan domain intelektual maka penggunaannya semakin berkurangan. Ia hanya berfungsi sebagai bahasa ibunda dan bahasa pertuturan domestik di kalangan penutur Nasrani di rumah dan di perkampungan Portugis. Sementara itu penutur Nasrani yang mendapat pendidikan formal di sekolah-sekolah lebih selesa dengan pertuturan dalam bahasa Inggeris standard dan Bahasa Melayu.

Penggunaan variasi Kristang adalah lebih ketara di kalangan penutur Nasrani dari golongan wargatua (dalam lingkungan umur 45 tahun ke atas) yang masih fasih dan toleran menggunakan variasi ini. Bahasa masyarakat minoriti ini tidak pupus akibat pemodenan sebab ia hanya dipertuturkan oleh generasi tua kaum Serani di perkampungan Portugis di Melaka dan bilangan mereka tidak ramai. Sementara di luar negeri Melaka bahasa kreol ini kurang diberi perhatian sehingga ada di antara masyarakat Malaysia dari kawasan lain tidak sedar tentang kewujudan bahasa kreol ini. Usaha untuk memelihara dan mengekalkan sumber kreol tempatan ini amat menghamparkan kerana setakat ini kurang tenaga akademik atau pakar bahasa tempatan yang menunjukkan minat serta tumpuan dalam mendokumentasikan data atau bahan tercetak kreol Kristang sebagai sumber rujukan atau bahan bacaan di peringkat universiti, kolej atau sekolah.

Kajian ini perlu dan dianggap penting kerana ia merupakan satu usaha untuk mendokumentasi dan menganalisa variasi Kristang di kalangan responden-responden yang masih menuturnya, memandangkan kebanyakan penutur natif Kristang terdiri daripada generasi tua. Sebelum variasi ini mengalami pemupusan, usaha pendokumentasian ini dianggap perlu kerana data dalam bentuk rakaman, transkripsi dan soal-selidik amat perlu sebagai bahan rujukan. Tambahan pula ia dianggap sebagai maklumat tambahan bagi para pengkaji yang berminat untuk mengukuhkan lagi bidang kajian ini dan untuk kegunaan penyelidikan masa depan memandangkan bilangan penutur natif Kristang semakin berkurangan.

### **1.3 Batasan Kajian**

- a) Data yang dikemukakan dalam kajian ini adalah berdasarkan data-data verbal yang dipungut melalui beberapa lawatan kasual (kerja luar) di Perkampungan Portugis yang telah diadakan sejak bulan Disember tahun 1994, bulan Januari, April, Ogos tahun 1996 dan Ogos hingga 1999. Korpus ini dipungut dalam masa 8 hingga 10 minggu melalui sesi perbualan dalam bentuk rakaman audio (+ 8 jam) dan bahan transkripsi secara ‘direct’ daripada responden. Contoh atau sampel yang dikemukakan dalam kajian ini adalah daripada transkripsi perbualan yang dirakamkan. Oleh sebab kekurangan masa dan jumlah data yang dipungut maka satu analisa yang terperinci dan menyeluruh tidak mungkin dilaksanakan.
- b) Kajian ini mengalami kekurangan responden kerana bilangan penutur natif Kristang tidak ramai dan responden-responden dalam kajian dipilih berdasarkan umur dan kekerapan luas penggunaan variasi ini dalam pertuturan harian mereka.
- c) Kajian ini memberi penekanan kepada beberapa elemen linguistik bahasa kreol tempatan iaitu Kristang berdasarkan pendekatan linguistik deskriptif. Oleh itu pendekatan etnografi serta analisis komunikatif kurang diberi perhatian.
- d) Walaupun kajian variasi Kristang tidak mungkin lengkap dengan membuat satu analisis kontrastif dengan bahasa Melayu dan Portugis. Namun aspek ini hanya diberi penekanan yang menyeluruh memandangkan tumpuan disertasi ini merujuk kepada elemen-elemen linguistik dalam komunikasi masyarakat Kristang di Melaka.

## 1.4 Kajian Teoritikal

Linguistik didefinisikan sebagai kajian bahasa secara saintifik. Ia merangkumi satu sains yang mengkaji bahasa secara sistematik. Pengkajian bahasa boleh dilihat dari segi berbagai sudut iaitu:

- a) linguistik umum
- b) linguistik deskriptif (huraian)
- c) linguistik komparatif (perbandingan)
- d) linguistik historis (sejarah)

Linguistik umum merupakan bidang yang mengkaji aspek-aspek teori ilmu linguistik secara umum iaitu mendefinisikan aspek-aspek dan menentukan sifat-sifat umum yang ada pada semua bahasa secara sawarjagat.

Linguistik deskriptif pula memberi tumpuan kepada huraian bahasa secara saintifik yang meliputi usaha-usaha untuk menentukan kaedah-kaedah dan teknik-teknik yang boleh digunakan untuk menghuraikan sesuatu bahasa. Di antara yang dihuraikan di dalam bidang linguistik ini ialah aspek-aspek fonologi, morfologi dan sintaksis. Sehubungan dengan pendapat Bloch dan Trager dalam buku *Outline to Linguistic Analysis* iaitu

“...a language is a system of arbitrary vocal symbols by means of which a social group cooperates...” (**Bloch & Trager , 1942:2**)

yakni bahasa sebagai alat perhubungan manusia yang konkret.

Linguistik komparatif membuat perbandingan antara bahasa-bahasa sekeluarga iaitu melihat ciri-ciri perubahan dan persamaan di antara bahasa serumpun untuk tujuan rekonstruksi. Sementara linguistik historis pula memperlihatkan perkembangan bahasa dari segi sejarah. Bidang ini juga mengkaji perubahan bahasa serta etimologi sesuatu bahasa.

Untuk memungkinkan linguistik menjadi suatu ilmu yang bersifat objektif maka ahli-ahli linguist cuba mencari pengertian kepada persoalan “apa itu bahasa?”. Ferdinand de Saussure (1961) (sarjana linguistik Swiss awal abad ke 20) menyatakan bahawa bahasa adalah satu sistem isyarat yang mempunyai bahagian terpenting iaitu gabungan daripada erti dan bayangan bunyi yang bersifat psikologi. Sementara F. Hockett (1958) seorang sarjana Amerika Syarikat melihat bahasa dari sudut psikologi behaviourisme iaitu sistem tabiat.

Definisi yang paling baru telah meneliti bahasa menurut fungsi dan bentuknya. Menurut fungsinya bahasa adalah satu struktur unik bunyi-bunyi ucapan yang disusun secara sewenang-wenangnya yang digunakan oleh masyarakat sebagai alat komunikasi, sementara bentuk bahasa adalah terdiri daripada kalimat-kalimat terbatas seperti yang diertikan oleh Chomsky (1965). Definisi umum ini seterusnya memaparkan perbezaan antara dua aliran yang berbeza iaitu aliran “struktural” dan “fungsional”.

Aliran struktural melihat bahasa sebagai satu fenomena mental yang sejati (Chomsky, 1965). Ia menjelaskan kesejagatan linguistik berdasarkan kemampuan semulajadi manusia berbahasa. Kemampuan berbahasa kanak-kanak dilihat

sebagai keupayaan yang sedia ada pada manusia. Berbanding dengan aliran fungsional yang melihat bahasa sebagai satu gejala sosial. Aliran ini menjelaskan kesejagatan linguistik berdasarkan kesejagatan penggunaan bahasa dalam masyarakat. Pengikut aliran ini menganggap keupayaan berbahasa kanak-kanak adalah dari aspek perkembangan keperluan dan kemampuan komunikasi dalam sesuatu masyarakat. Dengan perkataan lain, aliran ini mengkaji bahasa berdasarkan hubungannya dengan fungsi-fungsi sosial.

Setelah melihat beberapa definisi dan paradigma linguistik serta kaitannya dengan penganalisaan linguistik, jelaslah penyelidik mengemukakan perbincangan tersebut sebagai pembuka tirai dan untuk mengukuhkan lagi huraihan penganalisaan data linguistik di dalam kajiannya.

Walaupun terdapat banyak paradigma dan pendekatan linguistik yang telah dikemukakan oleh ahli-ahli linguist tetapi penyelidik tidak menumpukan kajiannya berdasarkan pegangan kepada sesuatu model atau kerangka linguistik tertentu. Padahal tujuan perbincangan penyelidik lebih tertumpu kepada bidang kreol linguistik dengan membuat rujukan tertentu berdasarkan pendekatan linguistik deskriptif kerana fokus perbincangan dalam disertasi penyelidik bukan berdasarkan huraihan struktur nahu dan sistem bahasa tetapi lebih kepada beberapa elemen linguistik yang mungkin dapat dikenalpasti dalam variasi bahasa Kristang (tumpuan kepada unsur morfologi dan sintaksis). Pemilihan bidang kreol linguistik dianggap sesuai dengan variasi masyarakat Nasrani Melaka kerana variasi ini wujud daripada proses assimilasi dan pengebudayaan masyarakat dari

aspek sejarah dan latarbelakang etnik yang berlainan. Oleh itu variasi ini mempunyai ciri-ciri linguistik deskriptif yang menghuraikan tahap-tahap linguistik bahasa pertuturan iaitu tumpuan kepada apa yang dipercakapkan dan apa yang harus dipercakapkan.

#### **1.4.1 Kaedah**

##### *A. Sumber Data :*

Data yang dikemukakan dalam kajian ini diperolehi daripada kerja-kerja lapangan luar iaitu dalam jangkamasa 8 hingga 12 bulan (mulai bulan Disember tahun 1994, bulan Januari 1996, bulan April dan Ogos tahun 1996). Penyelidik telah membuat beberapa lawatan serta mengadakan sesi perbualan (rakaman audio) di perkampungan Portugis dan kawasan Praya Lane di Melaka yang merupakan kawasan dominan bagi pertuturan bahasa Kristang. Kajian lanjutan telah dijalankan oleh penyelidik dalam bulan Ogos dan September 1999 untuk mendapat maklumat tambahan serta mengemaskinikan data informan bagi tujuan penulisan disertasi.

Perbualan lisan dirakamkan daripada responden-responden yang dipilih secara rambang berdasarkan kesesuaian mereka sebagai penutur natif Kristang dan Kristang digunakan sebagai bahasa domestik dan bahasa komunikasi di kalangan mereka. Seramai 7 orang responden dipilih untuk sesi perbualan (dalam lingkungan umur 25-70 tahun). Temubual kasual ini dilakukan di persekitaran rumah responden dan di gerai-gerai perkampungan Portugis untuk mewujudkan situasi perbualan yang mesra dan selesa.

Pemilihan responden adalah berdasarkan dua kriteria iaitu:

- i) berdasarkan umur mereka (penutur natif Kristang di kalangan generasi tua)
- ii) berdasarkan penggunaan variasi bahasa yang dikaji (tumpuan kepada beberapa elemen linguistik).

Sumber data yang kedua diperolehi daripada sesi perbualan secara kasual di antara penyelidik dengan dua orang pemimpin komuniti Nasrani di perkampungan Portugis iaitu saudara Micheal Young (regedor / ketua perkampungan Portugis) dan saudara Aloysius Sta Maria (ahli jawatankuasa komuniti Nasrani Melaka dan penulis “free-lance”)

Sumber data ketiga pula diperolehi daripada pemerhatian kendiri hasil interaksi penyelidik dengan beberapa penutur natif Kristang.

#### *B. Korpus*

- 1) Soal-selidik – para responden dikehendaki menjawab satu set soal-selidik dengan bimbingan penyelidik. Soalan ditanya secara lisan dan diubahsuai untuk memudahkan pemahaman responden. Tujuan soal-selidik ini ialah untuk mendapatkan sumber maklumat tentang latar-belakang linguistik responden dan keluarga mereka. Interaksi perbualan daripada soal-selidik juga dirakamkan sebagai bahan rakaman audio.
- 2) Rakaman – bahan rakaman audio terdiri daripada data yang dirakamkan daripada penutur Kristang berkenaan topik-topik yang berkaitan dengan aktiviti tradisional dan adat istiadat komuniti Kristang seperti aktiviti domestik, perikanan, tarian dan

muzik Kristang, upacara perkahwinan, perayaan-perayaan agama seperti St.Pedro dan lain-lain serta pengalaman mereka.

Topik-topik ini dipilih:

- a) untuk memastikan penyertaan aktif responden dalam perbualan secara kasual.
- b) mengelakkan peralihan-kod (kerana sebilangan penutur Kristang menggunakan bahasa Inggeris dan Melayu dalam pertuturan harian mereka)

Data rakaman juga merangkumi perbualan, nyanyian lagu dan puisi Kristang. Tujuan perbualan ini adalah supaya responden bertutur dalam bahasa Kristang dan dapat membantu penyelidik manganalisa beberapa elemen linguistik yang wujud dalam struktur tatabahasa Kristang. Interaksi perbualan ini berlaku di antara empat peserta (multi-party talk). Walaupun begitu fokus utama adalah kepada penutur natif Kristang (responden) sementara peserta-peserta lain bertindak sebagai penggalak untuk meneruskan sesi perbualan serta menjelaskan perkara-perkara yang tidak difahami oleh penyelidik. Mereka membimbang responden untuk menjelaskan sesuatu bahan perbualan (kerana mereka mempunyai pengetahuan bersama). Para peserta ini terdiri daripada ahli-ahli keluarga responden iaitu saudara Cyril Francis de Mello (anak lelaki berusia 33 tahun), Norman de Mello (ayah – 68 tahun), saudari Laura de Mello (anak perempuan - 24 tahun) dan saudari Mona Lisa de Mello (menantu – 30 tahun).

3) Pemerhatian kendiri, interaksi dan pembacaan (literature review)

Bahan-bahan yang diperolehi daripada pemerhatian penyelidik meliputi:

- a) interaksi antara ahli-ahli keluarga,
- b) interaksi antara ahli-ahli jawatankuasa komuniti Nasrani Perkampungan Portugis, dan
- c) interaksi golongan muda berpendidikan.

Latar-belakang masyarakat ini juga diperolehi daripada hasil tulisan khususnya beberapa tokoh masyarakat Nasrani iaitu:

- usaha pengumpulan data / terminologi Kristang – Bahasa Melayu
  - i) Sta Maria, Aloysius – *English-Cristang Vocabulary* (unpublished),  
The Malaysian Portuguese.
  - ii) de Silva, Patrick – *Papia-Kristang* (unpublished), The Malacca Portuguese – language
  - iii) Ferdinand, Gerard (1996) – “Portuguese Cultural Present, Past and Future” pembentangan kertas-kerja ‘mini-conference’ anjuran saudari Joan Marbeck di Heritage Lodge, Melaka bertajuk **“A Revival and Development of Spoken Kristang and The Malacca-Portuguese Heritage”**
  - iv) Lazaroo, George – *English-Cristang Vocabulary* (unpublished)

‘Insight’ bagi masyarakat ini turut diperolehi semasa penemuan dan perbincangan kasual saya dengan penutur natif Kristang iaitu:

- a) Sister Dorothy – rahib Katholik dari Sekolah Menengah Canossian Convent, Melaka.
- b) Cyril Francis de Mello – anak kepada seorang responden
- c) Michael Young – regedor / ketua masyarakat Nasrani Perkampungan Portugis, Melaka
- d) Patrick de Silva – setiausaha jawatankuasa komuniti Nasrani Perkampungan Portugis, Melaka.

Di samping itu tugasan informal juga dijalankan dalam kerja lapangan penyelidik dari semasa ke semasa bersama-sama dengan beberapa penutur natif Kristang. Tujuan sesi perbincangan ini ialah untuk membantu penyelidik menilai elemen-elemen linguistik dengan mengemukakan kepada informan struktur ayat Kristang dengan terjemahan dalam Bahasa Melayu dan malalui rakaman atau meminta bantuan mereka mentranskripsi ayat tersebut. Perbincangan ini juga merangkumi analisis golongan kata dan struktur ayat nahu Kristang yang telah dirakamkan seperti kata nama, kata kerja dan lain-lain.

#### **1.4.2 Analisis Data**

- 1) Merujuk kepada data soal-selidik dan maklumat daripada responden satu analisis akan dibuat berdasarkan:
  - a) penyebaran penggunaan variasi Kristang di Perkampungan Portugis,

dan kawasan Praya Lane, Melaka.

- b) penggunaan dialek atau bahasa lain dalam masyarakat ini
- c) penggunaan variasi ini dalam situasi-situasi sosial tertentu sama ada formal atau kasual seperti hubungan keluarga, hal-hal agama dan gereja, upacara perkahwinan/kematian, urusan rasmi dan sebagainya.

Merujuk kepada korpus rakaman dan maklumat daripada responden serta pemerhatian penyelidik, penyelidik cuba melihat beberapa elemen linguistik dalam pertuturan masyarakat Nasrani dengan penumpuan kepada variasi bahasa yang dipertuturkan oleh generasi tua masyarakat ini. Ini adalah kerana komunikasi di kalangan generasi tua ini kurang menerima pengaruh moden khususnya bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan dialek Baba-Melayu. Mereka berkomunikasi mengikut pertuturan tulen bahasa Kristang.

Analisis data akan dibuat dengan mengkaji faktor-faktor luaran bahasa yakni tumpuan kepada beberapa elemen linguistik dan pendekatan linguistik deskriptif digunakan untuk mengkaji data. Fokus kajian ini merujuk khusus kepada tahap-tahap linguistik (levels of linguistics) yang membuat rujukan kepada deskriptif pertuturan (khususnya aspek morfologi dan sintaksis) terhadap variasi bahasa Kristang ini.

Elemen linguistik yang dikaji adalah seperti berikut. (Tidak semua elemen akan dikaji, kesesuaian elemen akan dicadangkan oleh penyelidik apabila data dianalisa)

Antaranya ialah:

### **Morfologi**

a) *Pengelasan Kata*

Kata Nama (Nouns)

Kata Ganti Nama (Pronouns), Kata Ganti Nama Khas (Proper Nouns)

Kata Kerja (Verbs)

Kata Adjektif

Kata Tugas – kata hubung (Conjunctions), kata sendi (Prepositions),

Partikel dll.

b) *Pembentukan Kata (Binaan Kata)*

Pemajmukan (Compounding)

Penggandaan (Reduplication)

Pengimbuhan – unsur kala (tenses), bentuk jamak dan tunggal (singular & plural)

Jantina (Gender)

### **1.5 Skop Kajian**

Walaupun struktur disertasi ini telah dinyatakan di bahagian kandungan, sedikit maklumat tentang skop dan organisasi kajian akan dibincangkan kerana ia berkaitan dengan kerangka teoritikal dan kajian praktikal yang memerlukan penjelasan yang terperinci.

Bab 1 menyentuh tentang deskripsi isu yang merangkumi bidang kreol linguistik dengan tumpuan kepada kreol Kristang Portugis. Perbincangan di bahagian ini juga termasuk objektif kajian, kepentingan kajian dankekangan yang dihadapi semasa menjalankan penyelidikan. Pengkaedahan juga dinyatakan iaitu terbahagi kepada kerangka teoritikal, kaedah dan penganalisaan data.

Sebelum meninjau tentang elemen-elemen linguistik yang menjadi fokus utama disertasi ini, penjelasan tentang beberapa pentakrifan dan kajian teoritikal variasi pidgin dan kreol menjadi isi kandungan Bab 2. Ia terbahagi kepada penerangan definisi pidgin dan kreol secara detel serta perbincangan tentang teori etimologi yakni teori “Baby-talk”, teori “independent parallel development”, teori “nautical jargon” dan teori releksifikasi yang dianggap relevan dengan kajian ini. Ulasan hasil kajian dan usaha kreolis lepas seperti Van Name (1869 hingga 1870), Schuhardt (1980), Reninecke (1937), Hall (1966), Taylor (1963) dan lain-lain juga diselitkan sebagai bahan perbincangan.

Di dalam Bab 3, perbincangan difokuskan kepada aspek sosiolinguistik. Ia merangkumi maklumat tentang kelainan etnolinguistik di Melaka, latar belakang dan asal-usul kewujudan komuniti Kristang, serta kewujudan variasi kreol lain di Melaka seperti Baba-Melayu dan Chitty Melaka. Bab tersebut juga menyentuh tentang penggunaan Kristang dalam konteks sosio-ekonomi, masa depan Kristang dan keadaan linguistik masa kini di Malaysia.

Oleh kerana skop kajian merangkumi bidang morfosintaksis Kristang iaitu beberapa elemen linguistik maka Bab 4 menyentuh tentang bidang morfologi

yang mengemukakan perbincangan tentang pergolongan kata. Beberapa kelas kata yang terdiri daripada elemen-elemen yang direduksi dikenalpasti. Antaranya ialah kata nama, kata ganti nama, kata kerja, kata tugas-kopula, kata sendi nama, kata adjektif dan lain-lain. Maklumat yang terperinci hanya dikaji secara mendalam berdasarkan bukti yang nyata.

Bab ini juga mengandungi maklumat tentang proses pergolongan kata dan bidang sintaksis. Unsur-unsur yang diberi penekanan adalah ciri-ciri kreol yang dapat dikenalpasti daripada variasi kreol Kristang Portugis seperti reduplikasi, bentuk jantina, pemajmukan, unsur kala (pengimbuhan) dan lain-lain yang dianggap relevan.